



Pusat Perhubungan Pelanggan

1 800 88 6333

customer@amassurance.com.my

www.amassurance.com.my

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Polisi Golfers (Pemain Golf)

Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Golfers (Pemain Golf). Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini membayar pampasan kepada anda di atas kerugian atau kerosakan yang berlaku sewaktu anda bermain atau berlatih golf di mana-mana kelab golf atau lapangan golf diiktiraf di Malaysia, Republik Singapura dan Brunei.

2. Apakah perlindungan / faedah yang diberikan?

Polisi ini melindungi:-

	Jumlah Yang Diinsuranskan
- Bahagian I – Liabiliti Undang-Undang terhadap Orang Awam	RM100,000
- Bahagian II – Kemalangan Peribadi	RM 10,000
- Bahagian III – Peralatan Golf	RM 1,000
- Bahagian IV – Barangan Peribadi	RM 1,000
- Bahagian V – Hole In One (Pukulan Terus Ke Lubang)	RM 200

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium tahunan yang perlu anda bayar: RM60.00

4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amount
Cukai perkhidmatan	6% daripada premium
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	25% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

Kepentingan membuat Pendedahan

- MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans samada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- Perlindungan di bawah Liabiliti terhadap Orang Awam – Anda tidak harus mengakui, menawar, berjanji atau membayar kepada pihak menuntut tanpa kebenaran bertulis kami.
- Anda mesti memaklumkan secara bertulis kepada ejen atau kami mengenai sebarang perubahan material semasa tempoh polisi agar pembetulan sewajarnya dapat disahkan pada polisi anda.

6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh atau akibat daripada:

- Peperangan, perang saudara dan sebarang tindakan keganasan;
- Risiko tenaga nuklear dan keradioaktifan; dan
- Sebarang bentuk kerugian turutan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami dan tiada pulangan dibenarkan kerana premium yang dicaj adalah premium minimum.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell,

No. 211, Jalan Tun Sambanthan,

50470, Kuala Lumpur, Malaysia.

Talian Bebas : 1 800 88 6333

Emel : customer@amassurance.com.my

Laman Web : www.amassurance.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan.

Sila rujuk cawangan dan ejen-ejen kami untuk maklumat mengenai jenis-jenis perlindungan seumpamanya yang disediakan.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 1 Januari 2021.